



30 Disember 2011
30 December 2011
P.U. (A) 429

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH BANTUAN GUAMAN
(PINDAAN JADUAL KETIGA) 2011

*LEGAL AID (AMENDMENT OF THIRD SCHEDULE)
ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN GUAMAN 1971

PERINTAH BANTUAN GUAMAN (PINDAAN JADUAL KETIGA) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(2) Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bantuan Guaman (Pindaan Jadual Ketiga) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

Pindaan Jadual Ketiga

2. Akta Bantuan Guaman 1971 dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan Jadual yang berikut:

“ JADUAL KETIGA

[Seksyen 12]

PERIHAL PROSIDING SIVIL

Prosiding Dalam Mahkamah Sivil

1. Prosiding di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Nafkah) 1950 [*Akta 263*]

2. Prosiding di bawah Ordinan Nafkah 1959 (*Sabah No. 7 tahun 1959*)

3. Prosiding di bawah Ordinan Perkahwinan Adat Bumiputera Sarawak (Nafkah) 2003 [*Bab 55*]

4. Prosiding di bawah Akta Perintah Nafkah (Kemudahan bagi Penguatkuasaan) 1949 [*Akta 34*] untuk perintah sementara

5. Prosiding di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 [*Akta 356*]
6. Hak dan tanggungan mengenai prosiding perceraian dan jagaan
7. Hak dan tanggungan di bawah Akta Pengangkatan 1952 [*Akta 257*]
8. Hak dan tanggungan di bawah Ordinan Pengangkatan 1960 (*Sabah No. 23 tahun 1960*)
9. Prosiding di bawah Ordinan Pengangkatan Sarawak (*Bab 91*)
10. Hak dan tanggungan di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [*Akta 98*]
11. Permohonan Probet dan Surat Mentadbir Pusaka
12. Hak dan tanggungan di bawah Ordinan Probet dan Pentadbiran 1947 Sabah (*Bab 109*)
13. Hak dan tanggungan di bawah Ordinan Pentadbiran Harta Pusaka Sarawak (*Bab 80*)
14. Hak dan tanggungan di bawah Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) 1967 [*Akta 528*]
15. Hak dan tanggungan mengenai tindakan sivil bagi ganti rugi yang berbangkit daripada kemalangan yang melibatkan kenderaan bermotor yang termasuk dalam pengertian Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]
16. Hak dan tanggungan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*]
17. Hak dan tanggungan mengenai prosiding yang berhubungan dengan penyewaan